

# H1N1: 38 lagi kes baru dikesan

## 30 kes melibatkan warga Malaysia, lapan warga asing menjadikan jumlah keseluruhan 196

PUTRAJAYA - Sejumlah 38 kes baru Influenza A (H1N1) dikesan sehingga pagi semalam terdiri daripada 33 kes import dan lima kes jangkitan tempatan, menjadikan jumlah keseluruhan 196 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, daripada 38 kes itu, 30 kes melibatkan warga Malaysia dan lapan warga asing.

"Lapan warga asing itu ialah lima dari Indonesia,

masing-masing satu dari Sweden, Palestin, dan Argentina," katanya kepada media di sini, semalam.

Sementara kes tempatan pula melibatkan tiga kes pelajar dari Sekolah Menengah Tsun Jin, Jalan Loke Yew, Cheras, Kuala Lumpur, dua kes adalah kontak kepada kes import ke-147 dan satu kes kontak kepada kes ke-143.

Tiong Lai berkata, sehingga kini seramai 86 pe-

sakit masih menerima rawatan dan 110 sembuh sepenuhnya.

"Penutupan sekolah pula masih kekal dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Tsun Jin Cheras, Kuala Lumpur dan Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban. Jumlah kes kuarantin pula ialah 4,668 dan tempoh kuarantin berakhir pada Jumaat ini," katanya.

Tiong Lai turut mengumumkan penambahan 29 klinik Kesihatan di seluruh negara dan lima hospital swasta di Lembah Klang untuk menyediakan khidmat pengambilan sampel bagi kes yang disyaki H1N1.

Lima hospital itu ialah Sunway Medical Centre, Pantai Medical Centre, Sime Darby Medical Centre, Gleaneagles Intan Medical Centre dan Prince Court Hospital.

Beliau juga berkata, penggunaan 'rapid test kit' juga tidak dibenarkan untuk menjalankan ujian Influenza A kerana ujian itu tidak sensitif dan spesifik



● Tiong Lai (kanan) disambut kakitangan Institut Jantung Negara (IJN) ketika mengadakan lawatan rasmi ke Klinik Pesakit Luar di bangunan baru IJN di sini, semalam.

untuk mengesan jangkitan H1N1.

Sementara itu, Tiong Lai mengingatkan orang ramai agar tidak mengambil mudah mengenai penularan H1N1 di negara ini kerana walaupun masih terkawal

dan belum mengakibatkan kematian tetapi tahap penularannya adalah serius.

"Semua pihak perlu memberi perhatian berat dan mengambil langkah berjaga-jaga kerana wabak ini akan terus menular dalam

negara kita," katanya.

Beliau juga mahu semua pihak termasuk syarikat perniagaan dan kilang mengambil langkah yang sama bagi mengelakkan sebarang jangkitan wabak itu. - Bernama